

MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH SIRI KE-7
SEMANGAT KEMERDEKAAN DI TERENGGANU
24 OGOS 1996
WISMA DARUL IMAN

Puan Habibah binti Yusof (Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia)

Kerajaan , pada kerajaan negeri Terengganu terutama pada Y.A.B Menteri Besar kerana telah memberi sokongan yang padu terhadap usaha yang dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia. Seterusnya ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Ngah diatas kesudian Yang Berhormat Dato' meluang masa untuk hadir bagi merasmikan majlis pada hari ini. Kami percaya dengan segala dorongan dan bantuan daripada Dato' yang menjadikan program maklumat sejarah ini sebagai salah satu daripada upacara sambutan hari kebangsaan peringkat negeri akan menjadi mencapai matlamat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Majlis pengkisahan sejarah adalah merupakan program Arkib Negara Malaysia yang telah dijalankan sejak tahun 1984 lagi. Program ini bertujuan untuk mengumpul fakta-fakta dan maklumat sejarah negara dan pelbagai aspek seperti budaya, politik, pentadbiran, ekonomi, ketenteraan, wanita, pendidikan dan sebagainya. Ia adalah salah satu cara maklumat sejarah dan lisan daripada mereka yang terlibat secara langsung atau menyaksikan sendiri sesuatu demikian. Mereka akan diminta bercerita atau mengkisahkan pengalaman-pengalaman benar yang telah dialami ataupun tidak. Pengkisahan ini akan dirakamkan secara audio dan video dan disimpan kekal di Arkib Negara Malaysia untuk dijadikan sumber pendidikan sejarah. Setakat ini jabatan Arkib Negara dan cawangan-cawangannya di negeri itu sendiri dan dapat mengadakan majlis ini dengan jayanya. Di negeri Terengganu, program ini diadakan merupakan usaha bersama diantara jawatankuasa Koleksi Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Lembaga Muzium Negeri Terengganu dan Arkib Negara Malaysia cawangan negeri Terengganu. Sejak program ini diadakan pada tahun 1988 sebanyak 6 (tidak kedengaran suara).

Majlis ini adalah bertemakan semangat kemerdekaan di Terengganu dengan tujuan untuk mendapatkan serta mengumpul sebanyak mungkin maklumat mengenai perjuangan kemerdekaan di negeri Terengganu diakhir-akhir tahun 1940an dan diawal tahun 1950an. Dan seterusnya mengenai kemerdekaan dan maklumat kemerdekaan. Maklumat-maklumat ini akan dapat meningkatkan lagi bahan-bahan koleksi Terengganu, perpustakaan awam negeri dan maklumat Arkib Negara Malaysia. Saya percaya banyak maklumat dari tokoh-tokoh pejuang

kemerdekaan yang belum dikomunikasikan bagi tujuan hari ini. Justeru itu, melalui program ini disamping merakamkan kembali maklumat ia juga memberi peluang kepada para peserta mengingat dan mengenang kembali peristiwa sejarah yang berlaku di negeri ini dan sekaligus mengenang semangat cintakan tanah air. Sehingga dengan ini menikmati kemakmuran dan kemewahan pada perjuangan mereka.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Perjuangan semangat orang-orang melayu untuk mencapai kemerdekaan begitu ketara sekali dengan wujudnya kekacauan oleh Union. Yang mana wakil kerajaan British dilantik untuk mengundi dan meminda negeri melayu mengadakan persetujuan pembentukan Malayan Union. Ini bermakna negeri melayu tidak akan diambil terus oleh kerajaan British kerana orang-orang melayu bangun menentang Malayan Union ini. Di Terengganu beribu-ribu orang melayu berkumpul di hadapan padang dan berarak ke padang Istana Maziah untuk melahirkan penentangannya terhadap gagasan ini. Penentangan gagasan Malayan Union ini, orang-orang melayu mara ke hadapan untuk membebaskan negeri-negeri melayu dari cengkaman British dan seterusnya menuntut kemerdekaan. Dato' Jaafar, Dato' Onn Jaafar sebagai pemimpin melayu ulung yang menggerakkan semua orang melayu diseluruh negeri-negeri melayu bangun memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Kita sedar pada tahun-tahun tersebut, walaupun negeri Terengganu jauh terpencil dari negeri-negeri lain di pantai barat kerana perhubungan pada masa itu tidak sebaik dengan hari ini, tetapi semangat perjuangan orang-orang melayu yang ada di negeri Terengganu pada masa itu tidak ketinggalan. Dengan menghantar wakil di kongres orang-orang melayu ke Tanah Melayu. Itulah ke Kuala Lumpur pada 1 April 1946. Dengan terbentuknya orang-orang melayu ke dalam satu organisasi iaitu Umno dengan cogan kata Hidup Melayu , orang-orang melayu khususnya di Terengganu telah begitu bersemangat lagi untuk membebaskan diri dari dijajah oleh British. Semangat perjuangan ini saya percaya dapat kita praktikkan dengan lebih jelas lagi oleh tetamu-tetamu kehormat kita yang akan menceritakan kisah dan pengalaman benar semangat perjuangan orang-orang melayu diawal peringkat mencapai kemerdekaan sehingga diawal-awal tahun selepas merdeka. Yang berbagai warna dan hasilnya sebagaimana yang kita terima hari ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Melalui penceritaan secara langsung oleh keempat-empat tokoh pejuang semangat kemerdekaan dihadapan kita ini, kita berharap agar dapat mengumpul sebanyak mungkin maklumat sejarah yang belum pernah kita dengar atau baca dimana-mana. Akhir kata saya dengan rasa penuh kesyukuran ingin merakamkan jutaan terima kasih sekali lagi khasnya

kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Ngah dan kerajaan negeri Terengganu atas sokongan serta dorongan dalam menjayakan majlis ini. Kepada pengerusi pengkisahan Dr. Abdullah Zakaria, tokoh-tokoh pengkisah, pengerusi dan ahli jawatankuasa majlis pengkisahan agensi-agensi kerajaan, KUSZA, pertubuhan-pertubuhan, sekolah-sekolah dan juga semua pihak serta individu yang turut menyumbang bagi menjayakan majlis ini. Semoga usaha kita yang murni ini diredhai Allah. Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum w.b.t.

Pengerusi Majlis

Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Habibah binti Yusof, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Yang Berhormat Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Sekarang ucapan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Manusia negeri Terengganu dan seterusnya merasmikan majlis pengkisahan sejarah siri ke-7. Semangat kemerdekaan negeri Terengganu oleh Y.A.B. Tan Sri Wan Mokhtar bin Ahmad Menteri Besar Terengganu. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Dato'

Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Ngah

Assalamualaikum w.b.t. Saudara pengerusi majlis, Yang Berbahagia Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia Puan Habibah Yusof, Pengarah Arkib Negara cawangan negeri Terengganu, Pengarah Lembaga Muzium Terengganu, Yang Berbahagia Dr. Abdullah Zakaria pengerusi majlis pengkisahan sejarah kita pada pagi ini, tokoh-tokoh yang diberi penghormatan untuk menjadi pengkisah dalam majlis pada pagi ini. Yang Berbahagia Dato' semua dan ahli-ahli jawatankuasa koleksi Terengganu, ketua-ketua jabatan, tetamu-tetamu kehormat, bekas-bekas pejuang kemerdekaan dan anak-anak yang saya kasihi sekalian. Izinkanlah saya menyampaikan salam muazin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tan Sri Menteri Besar Terengganu Darul Iman yang tidak dapat bersama-sama dengan kita pada pagi ini. Yang Amat Berhormat sebenarnya diberi penghormatan untuk merasmikan satu seminar antarabangsa di Kuala Lumpur. Yang Amat Berhormat meminta saya mewakilinya menyampaikan ucapan dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ahli jawatankuasa pengelola majlis pengkisahan sejarah yang bertajuk semangat kemerdekaan di Terengganu. Pada pagi ini terdiri yang dari jabatan-jabatan, pengarah Arkib Negara agensi negeri, Muzium Terengganu, Perpustakaan Awam Terengganu dan tidak kurang juga tokoh-tokoh pengkisah kita pada hari ini.

Biarlah saya memulakan ucapan ringkas Yang Amat Berhormat dengan mengucapkan merdeka. Salam kemerdekaan. Merdeka pintu sejarah

dilaungkan oleh orang sekarang. Tidak seperti 39,40,45,50 tahun yang lalu. Walaupun begitu, semangat kemerdekaan itu tetap akan serap kerajaan-kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk terus melihat kemerdekaan itu kekal dalam setiap diri rakyat negara kita. Sebab itulah kerajaan negeri Terengganu selama beberapa tahun kebelakangan ini sengaja memperuntukkan lebih kurang RM400 000 setahun. Mengadakan sambutan hari kebangsaan. Hari kemerdekaan di peringkat negeri, negara berbagai-bagai adat. Sebelum itu dalam tahun dalam mengadakan jamuan teh di kediaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau sambutan-sambutan hari kebangsaan peringkat-peringkat daerah yang dihadiri oleh sekumpulan yang kecil. Sekumpulan yang lebih besar tidak berasakan apa-apa 31 Ogos setiap tahun.

Jadi, alhamdulillah dengan kesedaran dan keputusan yang saya sebutkan itu maknanya kebelakangan ini kerajaan negeri Terengganu mengisi hari 31 Ogos setiap tahun dengan satu sambutan. Dengan tujuan yang jelas untuk melihat semangat kemerdekaan. Api Kemerdekaan tetap membara dalam setiap individu rakyat sendiri. Walaupun anak-anak tidak pernah, tidak pernah terlibat dalam perjuangan kemerdekaan di peringkat negeri tapi anak-anak masih berpeluang untuk ikut sama. Terasa terlibat dalam perjuangan ini. Bila pejuang-pejuang kemerdekaan, tokoh-tokoh pengkisah sejarah kita dapat menceritakan semula detik-detik perjuangan mereka, saya tahu betapa susannya ahli jawatankuasa pengelola disini untuk mendapatkan tokoh-tokoh datang bercerita. Ada yang telah berumur, uzur. Walaupun sakarang ni ingatannya masih segar, masih boleh bercerita, mengkisahkan peristiwa-peristiwa 40 tahun, 40 tahun yang lalu tapi meminta maaf tidak dapat ikut dalam majlis hari ini. Oleh itu kerajaan negeri bersama-sama jawatankuasa pengelola majlis ini merasakan dan dihormati bila Yang Berbahagia Dato', Mansor Mohd, Dato' Haji Abdul Ghani Mohd Amin, Tuan Haji Wan Yahaya Wan Mohd dan Puan Hajah Halimah binti Abdul Rahman sanggup untuk bersama-sama dengan kita. Saya percaya dengan bimbingan Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Abdullah Zakaria bin Razali dari jabatan sejarah Universiti Malaya, tokoh-tokoh yang saya sebut tadi, saudara pengkisah sebagai tukang cerita akan dapat membawakan, menyorok ke belakang. Seolah-olah terlibat sama dalam perjuangan yang sememangnya pada suatu masa dulu riuh dan damat di negeri Terengganu. Seperti yang disebut oleh Puan Habibah tadi, negeri Terengganu tidak ketinggalan dalam arus perjuangan. Laungan Merdeka, laungan Hidup Melayu memenuhi angkasa negeri Terengganu 40 tahun yang lalu.

Alhamdulillah. Jawatankuasa koleksi Terengganu telah dapat mengajak jabatan-jabatan yang saya sebut tadi. Arkib Negara, Muzium Negeri dan Perpustakaan Awam Terengganu untuk sama-sama mengekalkan secebis jadi begitu banyak kisah-kisah sejarah kemerdekaan. Saya percaya tuan-tuan, puan-puan dan anak-anak telah membaca begitu

banyak buku-buku sejarah berhubung dengan kemerdekaan. Jadi, mungkin peristiwa pahit, peristiwa manis, peristiwa-peristiwa yang sukar dilupakan oleh bangsa kita akan dapat dihidupkan semula oleh tokoh-tokoh pengkisah pada hari ini. Dengan alasan moden, alhamdulillah kita dapat merekodkan, merakamkan pengenceritaan ataupun kisah sejarah. Selaku pengerusi jawatankuasa koleksi negeri Terengganu, saya juga mengambil kesempatan mengatakan bahawa saya ini termasuk majlis pengkisahan ini, koleksi negeri Terengganu telah mengadakan 7 siri majlis pengkisahan sejarah. Yang dimulakan dalam tahun 1988. Pada tahun yang sama juga Pendidikan Islam di Terengganu. Tahun 89 Perundangan Islam di Terengganu. Tahun 93 mengenai Sekolah Menengah Agama Zainal Abidin dan sumbangannya terhadap pembangunan negeri Terengganu. Tahun 93 juga perahu besar dalam sejarah pembangunan negeri Terengganu. Tahun 95 sejarah perlombongan Bukit Besi. Hari ni 24 haribulan. 31 Ogos tinggal beberapa hari saja lagi. Pada masa ni lah saya rasa majlis pengkisahan sejarah ini kita adakan bersama. Tapi, malangnya Yang Berhormat Dato' Seri Amat Diraja sebagai seorang pemimpin negeri yang terkenal, seorang pemimpin kebangsaan yang tidak kurang penting, tidak dapat bersama-sama dengan kita.

Tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari yang saya kasihi sekalian,

Dalam kesibukan kita membangun negeri kita, dengan membawa lebih banyak kilang-kilang untuk memberi peluang yang lebih banyak, yang lebih luas kepada anak-anak kita bekerja. Menubuhkan institusi pendidikan. Menjadikan rakyat negeri Terengganu mahir dan sanggup menghadapi cabaran pembangunan negeri yang bermatlamatkan membangun negeri berdasarkan industri dan lain-lain pembangunan rohani dan jasmani. Maka saya rasa adalah baik kita memberi perhatian kepada perkara-perkara seumpama ini untuk memperkuatkan cinta dan penghargaan kita kepada sejarah negeri kita. Kalau rakyat negeri lain dapat berbangga dengan tokoh-tokoh perjuangan, kemerdekaan, kita pun sebenarnya Terengganu juga tidak kurang. Boleh berbangga dengan tokoh-tokoh perjuangan kita.

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

Baru-baru ni Umno telah menyambut 50 tahun usianya. Di negeri Terengganu berbagai-bagai acara sambutan telah dilakukan. Acara yang terakhir pada 30 Mei. Sebuah buku dan sebuah pameran telah diadakan di Muzium Negara. Buku yang bertajuk Sejarah Umno dan pameran yang bertajuk Sejarah Umno Terengganu. Kisah kemerdekaan ataupun kisah semangat kemerdekaan ini rasa saya tidak dapat dipisahkan daripada perjuangan Umno di Terengganu. Saya tidak bermaksud sama sekali untuk mengecilkan jasa dan pejuang-pejuang kemerdekaan lain yang

itulah tidak bersama-sama dalam Umno dan tidak dapat dinafikan lagi bila kita membaca, bila kita mendengar kisah perjuangan atau semangat kemerdekaan di Terengganu, maka dengan sesungguhnya kita juga turut menjiwai semangat dan perjuangan Umno. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tuan-tuan, puan-puan, anak-anak sekalian yang turut sama menjayakan majlis ini. Saya percaya dalam majlis ini diberikan publisiti yang lebih luas tentulah penyertaannya lebih baik. Tapi, walaubagaimanapun penghargaan saya kepada Profesor Madya Abdullah Zakaria kepada Dato' Haji Mansor, Dato' Haji Abdul Ghani, pejuang-pejuang lain dan Puan Hajah Halimah terlalu besar. Marilah sama-sama kita berdoa moga-moga mereka dilanjutkan usia dengan kesihatan yang baik. Dan saya berharap mungkin ada diantara mereka, diantara tokoh-tokoh ini selepas mengambil bahagian dalam majlis pengkisahan ini merasa perlu untuk mengajak atau memujuk sesiapa atau menulis sendiri catatan-catatan, peristiwa-peristiwa perjuangan. Dan insyaallah jawatankuasa koleksi, Arkib Negara Terengganu dan Pahang sudi menerima dan menjadikan satu sejarah yang sangat berharga. Saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sekali lagi memberikan penghargaan yang tinggi kepada tokoh-tokoh pengkisah sejarah. Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang turut sama dalam majlis ini, marilah sama-sama kita berdoa majlis ini akan berjaya. Dengan harapan itu saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita Terengganu dengan sukacitanya merasmikan majlis pengkisahan sejarah yang bertajuk Semangat Kemerdekaan di Terengganu. Merdeka. Assalamualaikum w.b.t.

Pengerusi Majlis

Majlis merakamkan setinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid Ngah, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Manusia Negeri Terengganu. Seterusnya majlis dengan hormat mempersilakan Yang Berbahagia Puan Habibah binti Yusof, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia untuk menjemput mengenai Yang Berhormat Dato' Haji Rashid Ngah diiringi bersama Profesor Madya Dr. Abdullah Zakaria Razali serta ahli jawatankuasa pengkisahan untuk melawat pameran dan seterusnya ke majlis jamuan ringan dan dijemput menyaksikan tayangan video sejarah kemerdekaan. Bertempat didalam dewan besar ini. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan.

(Tayangan video dan gambar-gambar tokoh-tokoh kemerdekaan)

Pengerusi Majlis

Kita baru saja selesai menyaksikan satu persembahan tayangan video iaitu sejarah kemerdekaan dan sekarang sampai masa majlis pengkisahan sejarah siri ke-7 semangat kemerdekaan di Terengganu